

Source: Berita Harian, p4
Date: 27 August 2022

Galeri Warisan Fort Canning baru, Taman Rempah dipertingkat dilancar

GALERI Warisan Fort Canning baru dan Taman Rempah yang diperlakukan telah dilancarkan di Taman Fort Canning semalam.

Dibuka oleh Lembaga Taman Negara (NParks), ruang baru ini bertujuan menyediakan ruang hijau riadah yang disegarkan semula bagi warga Singapura, juga memberi peluang kepada masyarakat mengetahui lebih lanjut tentang sejarah Taman Fort Canning.

Melancarkan pembukaan ruang baru itu ialah Menteri Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee.

Dalam ucapan pembukaannya semalam, Encik Lee berkata pembukaan ruang ini merupakan fasa kedua pelan induk untuk memberi nafas baru kepada Taman Fort Canning.

“Galeri Warisan Fort Canning yang baru mencatatkan sejarah Fort Canning Hill dan peranan penting yang dimainkannya dalam kisah Singapura, daripada abad ke-14 hingga hari ini,” katanya.

Pelan induk untuk memberi nafas baru kepada Taman Fort Canning sebelum ini dimulakan pada 2018, katanya.

Galeri Warisan Fort Canning baru ini menceritakan sejarah kawasan itu lebih daripada 700 tahun.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan NParks, galeri itu menawarkan maklumat dan gambaran keselu-



ruhan yang mendalam tentang warisan kaya Fort Canning Hill.

Galeri tersebut dibahagikan kepada lima zon (zon pengenalan dan empat zon bertema) yang terdapat di dua aras sayap selatan Pusat Fort Canning.

Setiap zon itu mempunyai tema mengikut aspek tertentu atau peranan yang dimainkan oleh Fort Canning Hill yang bersejarah dalam sejarah Singapura yang lebih luas.

Selain itu, galeri itu turut menampilkan artifak arkeologi yang

digali dari tapak dalam Taman Fort Canning dan pelbagai stesen interaktif digital, kata NParks.

Mereka yang mengunjungi Taman Fort Canning juga boleh menerosa Taman Rempah yang diperlakukan.

Taman Rempah itu merupakan salah satu daripada sembilan taman bersejarah yang dibuka pada 2019.

Taman yang kini berkeluasan hampir 3,200 meter persegi itu, sekarang terdiri daripada tiga zon berlainan – kawasan Taman Rem-

TAMAN REMPAH:
Taman Rempah yang kini berkeluasan hampir 3,200 meter persegi, menampilkan lebih daripada 180 jenis tanaman, menjadikannya taman rempah paling pelbagai di Singapura. – Foto-foto BH oleh NG SOR LUAN

GALERI BARU:
(Gambar sisipan)
Galeri baru ini akan menawarkan maklumat dan gambaran keseluruhan yang mendalam tentang warisan kaya Fort Canning Hill.

pah sedia ada, Canning Rise yang telah dilalui pejalan kaki pada 2019, dan Galeri Rempah Fort Canning yang baru.

Taman itu akan menampilkan lebih daripada 180 jenis tanaman, menjadikannya taman rempah yang paling pelbagai di Singapura.

Antara jenis rempah yang ada termasuk buah pala dan cengkeh yang memainkan peranan penting sebagai tanaman rempah komersial utama di Singapura pada awal abad ke-19.

Semasa majlis itu semalam, sebuah buku baru turut dilancarkan.

Bertajuk *Fort Canning Park: Heritage & Gardens*, buku itu mendokumentasikan warisan yang kaya dan memperkenalkan konsep reka bentuk dan keindahan setiap sembilan lanskap taman di Taman Fort Canning.

Encik Lee turut berkata kerja bagi Pelan Induk Fort Canning tidak berhenti di sini. Tahun hadapan, taman permainan di Taman Jubli akan dirombak.

“Dengan peningkatan kawasan itu, saya berharap Taman Fort Canning akan menjadi ruang hijau yang lebih disayangi oleh semua rakyat Singapura,” katanya.